

# 1001 Masalah

Abu Al-Mukhtar Sedia Menjawab



## Hukum Zakat Dalam Islam

Dan Segala Pecahannya

(2)

Benda-benda yang wajib dikeluarkan zakatnya: Lima jenis.

Pertama – emas dan perak. Kedua – barang-barang perniagaan. Ketiga – benda-benda galian. Keempat – binatang-binatang ternak. Kelima – tanam-tanaman dan buah-buahan.

### 1- Zakat Emas dan Perak

Emas dan perak diwajibkan mengeluarkan zakatnya apabila cukup nisab dan genap masa setahun dalam simpanan.

Nisab emas ialah dua puluh dinar atau dua puluh misqal (kira-kira 12 ½ paun emas matawang Inggeris). Orang yang mempunyai jumlah yang tersebut diwajibkan membayar zakatnya sebanyak dua setengah peratus.

Nisab perak pula ialah dua ratus dirham (27.7/9 Riyal Mesir), dan zakatnya ialah dua setengah peratus juga.

Tidak ada bezanya emas dan perak yang tersebut, baik yang berupa matawang atau tidak. Kedua-duanya diwajibkan zakat seperti yang telah diterangkan tadi. Adapun barang-barang perhiasan daripada emas dan perak, maka hukumnya menurut empat mazhab seperti berikut:

Mazhab Mālikī – berkata: Barang-barang perhiasan

badan yang diharuskan, (dari emas dan perak) seperti gelang untuk perempuan, dan hulu pedang yang disediakan untuk jihad, dan sumbi gigi maka itu tiada dikenakan zakat. Adapun barang-barang perhiasan yang diharamkan, seperti bejana-bejana dan tempat celak maka itu wajib dikeluarkan zakatnya. Zakat itu dikenakan pada barang-barang tersebut menurut timbangan beratnya bukan menurut harganya.

Mazhab Ḥanafī – berkata: Zakat itu wajib pada barang-barang perhiasan badan (dari emas dan perak), baik benda-benda untuk lelaki atau untuk perempuan, baik ia masih berketul atau telah ditimpa, baik dia berupa bejana atau lainnya. Zakat itu dikenakan pada barang-barang perhiasan itu menurut berat timbangan bukan menurut harganya.

Mazhab Ḥanbalī – berkata: Tiada diwajibkan zakat pada barang-barang perhiasan badan yang dipakai atau dipinjamkan. Kalau bukan dibuat untuk dipakai maka wajib dikeluarkan zakatnya apabila cukup nisab menurut berat timbangannya. Adapun barang-barang perhiasan yang diharamkan maka wajib dikeluarkan zakatnya sebagaimana wajibnya pada bejana-bejana yang terbuat daripada emas dan perak dan nisabnya menurut berat timbangannya.

**Mazhab Shafi‘ī – berkata: Tiada diwajibkan zakat pada barang-barang perhiasan badan yang diharuskan, yang telah genap masa setahun dalam simpanan tuannya serta diketahui akan dia. Adapun yang tidak diketahui, seperti orang itu mewarisi barang-barang perhiasan badan yang cukup nisab dan genap pula masa setahun dengan tidak diketahui akan berpindahan hak milik itu kepadanya, maka wajiblah dikeluarkan zakatnya. Adapun barang-barang perhiasan yang diharamkan, seperti emas bagi lelaki, maka wajib zakatnya. Demikian juga wajib dizakatkan barang-barang perhiasan**

**badan perempuan yang berupa membazir seperti gelang kaki, apabila beratnya melampau sehingga dua ratus misqal.**

**Bejana-bejana dari emas dan perak juga wajib dikeluarkan zakatnya. Zakat pada barang-barang perhiasan itu dikenakan menurut berat timbangannya. Demikian juga apabila sesuatu barang perhiasan badan itu patah tidak diwajibkan zakatnya apabila tuannya bercadang hendak membetulkan dia dan barang itu dapat dibetulkan dengan tidak dileburkan; jika tidak, maka wajiblah dizakatnya.**

### **Zakat Hutang**

Barangsiapa memberi hutang kepada orang lain, dan pemutang itu sudah cukup nisab dan genap pula masa setahun, serta cukup syarat-syarat yang telah lalu, maka hukum zakatnya telah dihuraikan oleh keempat-empat mazhab itu seperti berikut

Mazhab Ḥanafī – berkata: Hutang itu terbahagi tiga: Kuat, pertengahan, dan lemah. Hutang kuat itu ialah hutang yang dipinjam atau hutang barang-barang perniagaan jika orang yang berhutang itu mengakuinya, sekalipun ia seorang muflis (bankrap).

Hutang pertengahan pula ialah yang bukan hutang perniagaan, manakala hutang yang lemah ialah seperti hutang mas kahwin.

Hutang kuat, diwajibkan membayar zakatnya pada tiap-tiap kali ia menerima suatu jumlah yang bersamaan dengan empat puluh dirham. Tiap-tiap empat puluh dirham hendaklah dikeluarkan zakatnya satu dirham. Jika kurang dari itu maka ia tidak dikenakan zakat. Hutang pertengahan pula tidak dikenakan zakat setelah ia menerima suatu jumlah yang menyamai satu nisab, demikian juga: Hutang lemah, dengan syarat sudah setahun ketika dia menerimanya.

Semua yang disebutkan itu ialah jika orang yang memberi hutang itu tiada harta yang cukup nisabnya selain daripada piutangnya itu. Tetapi kalau dia ada harta benda yang cukup nisab, kemudian dia menerima satu jumlah daripada piutangnya, baik jumlah yang diterimanya itu kecil atau besar, dan baik hutang itu hutang kuat atau pertengahan, atau pun lemah, maka wajib dia menyatukan jumlah piutang yang diterimanya itu dengan hartanya yang ada di tangannya dan mengeluarkan zakat keduanya, kerana piutang yang diterimanya dalam hal yang seperti ini menyamai harta benda yang didapat dalam tahun itu mesti disatukan dengan hartanya yang asal.

Mazhab Mālikī – berkata: Barangsiapa beroleh harta kerana mendapat pusaka atau lainnya maka ia tidak diwajibkan mengeluarkan zakat harta yang tersebut sebelum diterimanya. Demikian juga barangsiapa menjual sebidang tanah atau lainnya dan harganya masih belum dibayar oleh si pembeli maka dia tidak dikenakan zakat sebelum menerima hutang tersebut dan cukup pula setahun dari hari menerima.

**Mazhab Shafi‘ī – berkata: Zakat diwajibkan pada hutang yang sabit, dan hutang itu ialah hutang-hutang wang atau barang-barang perniagaan. Kalau pula hutang itu binatang ternak atau benda-benda makanan, maka tidak diwajibkan zakat. Demikian juga orang yang memberi hutang itu tidak diwajibkan zakat melainkan ketika ia dapat menerima pembayaran hutangnya, pada ketika itu ia wajib mengeluarkan zakat bagi tahun-tahun yang telah lalu. Kalau pula hutang itu binasa sebelum dapat menerimanya, maka gugurlah zakatnya.**

Mazhab Ḥanbalī – berkata: Zakat itu diwajibkan pada hutang kalau hutang itu sabit pada tanggungan orang yang berhutang, sekalipun ia seorang muflis

(bankrap). Tetapi orang yang memberi hutang itu tidak wajib mengeluarkan zakat piutangnya melainkan setelah ia menerimanya. Pada masa itu wajib ia mengeluarkannya dengan serta merta kalau piutang itu telah cukup nisab dengan sendirinya atau dengan disatukan dengan hartanya yang sedia ada di tangannya. Hutang-hutang yang tidak sabit dalam tanggungan orang yang berhutang – tidak diwajibkan zakat.

#### **Zakat Wang Kertas:**

Alim ulama yang terbanyak memandang wajib zakat bagi wang kertas, kerana wang kertas itu telah mengantikan wang emas dan perak dalam kehidupan kita hari-hari,

#### **BUKU-BUKU RUMI**

##### **Penerbitan Qalam Yang Terbaru**

Kesan Kesusasteraan Tua Di-Tanah Ayer

Oleh: Abdullah B. Hj. Musa

(Lubis) ... ... ... \$2.00

Cherita2 Sejarah I

Oleh: Edrus ... ... ... \$1.00

Teras Kebudayaan Nasional

Oleh: Mahmud Ahmad ... \$1.50

Balek Dari Medan Perjuangan

Oleh: Ahmad Lutfi ... ... \$1.00

Sisa Neraka Dunia

Oleh: Ahmad Lutfi ... ... \$1.20

Bangkai Bernyawa

Oleh: Ahmad Lutfi ... ... \$1.00

Tinjauan Sastera Tanah Ayer

Oleh: Abd. Ghani bin Abbas ... \$1.50

Sejarah Perak Dahulu dan Sekarang

Oleh: Abdullah Hj. Musa

(Lubis) ... ... ... \$2.00

Surat Menyurat (chitakan kedua)

Oleh: Edrus ... ... ... \$2.00

*Pesan Kepada:*

#### **QALAM**

**356/8, GEYLANG ROAD,  
SINGAPURA 14.**

dan boleh pula ditukarkan dengan matawang perak dengan serta merta. Oleh itu tidak ma‘aful orang ramai yang mempunyai kekayaan daripada wang kertas yang demikian nilainya, tidak mengeluarkan zakatnya. Dengan sebab itu, tiga mazhab sekata mewajibkan zakat bagi wang kertas, kecuali mazhab Ḥanbalī. Huraianya menurut empat mazhab seperti berikut:

Mazhab Shafi‘ī – berkata: Wang kertas itu

ibarat surat hutang yang dijamin oleh bank (sebagai cagaran bagi emas dan perak), dan kerana itu wajib dikeluarkan zakatnya. (Nisabnya ialah kira-kira \$20 dan zakatnya dua setengah peratus).

Mazhab Mālikī – berkata: Wang kertas itu

meskipun tidak termasuk dalam jenis “hutang kuat”, tetapi dia boleh ditukar dengan wang perak dengan serta merta. Oleh yang demikian maka wajib dikeluarkan zakatnya.

Mazhab Ḥanafī – berkata: Wang kertas itu

meskipun dia berupa surat hutang, tetapi ia boleh ditukar dengan serta merta dengan wang perak. Dengan itu maka wajiblah dikeluarkan zakatnya.

Mazhab Ḥanbalī – berkata: Tiada wajib zakat

pada wang kertas melainkan setelah ia ditukar dengan wang emas dan perak, dan wujud pula di dalamnya syarat-syarat zakat yang telah diterangkan dahulu.

#### **2- Barang-Barang Perniagaan**

Barang-barang perniagaan ialah benda-benda yang diperniagakan selain daripada emas dan perak, baik emas dan perak itu berupa matawang atau berupa barang-barang perhiasan.

Tiga mazhab sepakat mengatakan bahawa emas dan perak tidak termasuk sama sekali dalam bahagian

# Hukum Zakat Dalam Islam

## Sambungan dari muka 17

barang-barang perniagaan. Sedang mazhab Mālikī mengatakan emas dan perak yang bukan matawang: termasuk dalam bahagian barang-barang perniagaan.

Barang-barang perniagaan wajib dikeluarkan zakatnya sebanyak dua setengah peratus, dengan syarat-syarat dan kaifiat yang diuraikan oleh mazhab-mazhab yang empat seperti berikut:

**Mazhab Shafi‘ī – berkata:** Barang-barang perniagaan wajib dikeluarkan zakatnya dengan enam syarat, pertama: Hendaklah barang-barang perniagaan itu dimiliki dengan jalan jual beli. Barangsiapa membeli sesuatu barang – lalu diniatkan hendak menjadikan dia barang perniagaan, baik ia membelinya dengan wang tunai atau dengan hutang, maka wajiblah ia mengeluarkan zakat menurut kaifiat yang diterangkan kelak. Kalau pula barang-barang yang dimiliki itu bukan dengan jual beli tetapi dengan jalan diwarisi maka tidaklah diwajibkan zakatnya sehingga waris-waris itu menjalankannya dengan niat untuk diperniagakan.

**Kedua:** Hendaklah diniatkan ketika membelinya bahawa barang-barang itu dibeli ialah untuk diperniagakan. Jika tidak diniatkan menurut cara yang diterangkan tadi maka tidaklah wajib zakatnya. Disyaratkan pula hendaklah diperbaharui niat untuk diperniagakan tiap-tiap kali membeli barang-barang yang hendak diperniagakan itu.

**Ketiga:** Jangan dikasadkan barang-barang itu dimiliki hanya kerana hendak menggunakan sendiri bukan untuk diperniagakan. Kalau ia dikasadkan dengan demikian, nescaya putuslah perjalanan masa tahun zakat itu (masa genap setahun yang mewajibkan zakat). Jika benda itu mahu dijadikan benda yang diperniagakan, berkehendak pula

diperbaharukan niat untuk diperniagakan yang disebutkan dengan amalan memperniagakannya.

**Yang keempat:** Hendaklah genap setahun dari masa ia mula-mula memiliki barang-barang perniagaan itu, jika tidak, maka tidaklah wajib dikeluarkan zakatnya.

**Kelima:** Bahawa janganlah harta perniagaan itu bertukar menjadi wang tunai pada tahun itu dari jenis wang yang dengannya akan ditaksirkan harganya, kalau semua perniagaan itu menjadi wang tunai, sedang ia belum cukup nisab, putuslah masa tahun zakatnya. Apabila wang tuan itu dibelikan barang-barang perniagaan, maka tahun zakatnya dimulai dari hari barang-barang itu dibeli, dan masa yang telah lalu tidak dikira.

**Yang keenam:** Hendaklah harga barang-barang perniagaan itu cukup nisab pada akhir tahun, kerana yang dikira ialah akhir tahun bukan seluruhnya. Apabila benda-benda perniagaan itu dari jenis benda-benda yang berhutang dengan zakat sendiri: Seperti

### Membetulkan

Dalam keluaran yang lalu, muka 23, ruangan yang pertama, baris yang pertama dari atas, berlaku sedikit ralat, yang betulnya seperti berikut:

.... kerana zakat batin itu telah dipungut oleh imam sehingga zaman Saiyidina ‘Uthmān *rađi Allahu anhu*, lalu Saiyidina Uthman menyerahkan urusan memungutnya kepada tuan-tuan punya harta-harta itu sendiri.

Manakala hadis yang tersiar di muka 19, ruangan yang kedua, baris 9 dari bawah, yang betulnya seperti berikut:

*“Mā man ṣāḥaba kanaza lā yu’adī zakātahu illā .....*”

**binatang-binatang ternak dan buah-buahan, hendaklah diperiksa, jika didapati nisab pada benda-benda perniagaan itu dan pada harganya, hendaklah dizakatkan benda-benda perniagaan itu menurut hukum zakat binatang-binatang ternak dan buah-buahan bukan menurut harganya. Zakat barang-barang perniagaan itu berulang-ulang dikeluarkan pada tiap-tiap tahun selagi nisabnya cukup.**

**Cara mengeluarkan zakatnya, hendaklah ditaksirkan barang-barang perniagaan itu menurut harga yang dibeli, dan dimestikan dua orang saksi pula dalam masa mentaksirkannya. Manakala zakatnya yang wajib dikeluarkan ialah dua setengah peratus.**

Mazhab Ḥanafī; berkata: Zakat diwajibkan pada barang-barang perniagaan dengan beberapa syarat. Di antaranya: Hendaklah harganya cukup nisab, dan harganya pula ialah menurut negeri tempat barang-barang perniagaan itu. Di antara syarat-syaratnya lagi hendaklah genap setahun perniagaan itu dijalankan. Masa yang diiktiraf pula ialah awal dan akhir tahun, bukan pertengahannya. Barangsiapa memiliki harta perniagaan yang cukup nisabnya pada awal tahun, kemudian berkurang dalam tahun itu, kemudian cukup pada akhir tahun, maka wajib dikeluarkan zakatnya, tetapi kalau kurang pada awal tahun atau pada akhir tahun maka tiadalah wajib dikeluarkan zakatnya. Di antara syarat-syaratnya lagi ialah: hendaklah diniatkan bahawa barang-barang itu untuk diperniagakan dan niatnya pula hendaklah disertakan dengan usaha menjalankan perniagaan.

Mazhab Mālikī – berkata: Zakat barang-barang perniagaan adalah wajib dengan lima syaratnya. Pertama: Hendaklah barang-barang perniagaan bukan daripada benda-benda yang berhutang dengan zakat. Kalau benda-benda itu ada perkaitannya dengan zakat

seperti barang-barang perhiasan daripada emas dan perak, dan seperti binatang-binatang ternak (unta, kerbau, lembu dan kambing) maka wajiblah zakatnya menurut cara pengeluaran jenis-jenis benda tersebut (emas, perak dan binatang ternak) kalau telah cukup nisabnya. Kalau pula tidak cukup nisabnya maka zakatnya ialah menurut harganya, seperti barang-barang perniagaan yang lain.

Kedua: Hendaklah barang-barang perniagaan itu dimiliki dengan jalan dibeli bukan diwarisi atau diberikan (dihadiahkan) kepadanya, misalnya.

Ketiga: Hendaklah diniatkan ketika membeli barang-barang itu bahawa barang-barang tersebut ialah untuk perniagaan baik sahaja atau ia niatkan untuk perniagaan semata-mata atau diniatkan bersama untuk dipakai sendiri. Misalnya ia membeli sebuah rumah, lalu berniat hendak menyewakannya, atau hendak hendak menjadikannya tempat tinggalnya sementara menunggu tawaran yang mendatangkan untung lalu dijualnya. Dalam hal yang seperti ini wajib ia mengeluarkan zakatnya menurut zakat barang-barang perniagaan. Tetapi kalau ia membeli suatu benda, lalu berniat untuk dipakai sendiri, atau tiada berniat apa-apa, maka tiadalah wajib zakatnya.

Yang keempat – hendaklah barang-barang perniagaan itu telah dibeli dengan matawang, atau dengan ditukar dengan barang-barang perniagaan yang dimiliki dengan penukaran harta bendanya. Adapun jika barang-barang perniagaan itu dibeli dengan penukaran benda yang dihadiahkan kepadanya atau yang diwarisinya, maka tiadalah wajib zakatnya, bahkan apabila ia menjualnya sesudah

itu ia telah memasuki tahun perniagaan mulai

dari hari menerima harganya.

Yang kelima – hendaklah ia menjual dari barang-barang perniagaan itu dengan satu nisab daripada emas atau perak jika ia (tuan punya perniagaan itu) daripada ahli-ahli perniagaan yang menyimpan barang-barang perniagaannya untuk dijual pada suatu masa yang tidak ditentukan, atau menjualnya dengan kurang daripada itu jika ia daripada orang-orang yang menjalankan perniagaan sepanjang masa.

Cara mengeluarkan zakatnya pula ialah: Kalau tuan punya barang-barang perniagaan itu menyimpan barang-barang perniagaannya untuk dijual pada suatu masa yang tidak ditentukan maka hendaklah ia mengeluarkan zakat barang-barangnya yang telah dijual dengan disatukan barang-barangnya yang masih berbaki dalam tangannya. Zakat itu dikeluarkan untuk satu tahun sahaja, sekalipun barang-barang perniagaan itu telah disimpan beberapa tahun lamanya. Piutang-piutangnya dari perniagaan tiada diwajibkan zakatnya melainkan setelah ia menerima, iaitu dikeluarkan zakatnya untuk satu tahun sahaja.

Kalau pula ia menjalankan perniagaannya sepanjang masa, maka hendaklah ia menaksirkan barang-barang perniagaannya pada tiap-tiap tahun, walaupun barang-barang itu kurang laku dan telah ada dalam tempat perniagaannya beberapa tahun, kemudian hendaklah disatukan harganya dengan wang yang ada dalam simpanannya dan dizakatkan kesemuanya. Piutang-piutangnya daripada perniagaan jika diharap akan menerima, maka hendaklah disatukan jumlahnya dengan barang-barang perniagaannya dan wang simpanannya dan dizakatkan kesemuannya. Jika piutangnya itu tidak diharap akan dapat menerima kerana orang

yang berhutang itu jatuh papa maka tiadalah wajib

zakatnya.

Mazhab Ḥanbalī – berkata: Barang-barang perniagaan,

wajib dikeluarkan zakatnya apabila cukup nisabnya, dengan dua syarat. Pertama: Hendaklah barang-barang perniagaan itu dimiliki dengan usahanya seperti dibeli akan dia, kalau dimiliki bukan dengan usahanya seperti diwarisinya, maka tiadalah wajib zakatnya. Kedua: Hendaklah diniatkan ketika memilikinya bahawa barang-barang itu untuk diperniagakan. Niatnya itu mestilah berkekalan di sepanjang tahun itu. Tetapi kalau ia membeli satu barang semata-mata untuk memilikinya sahaja, kemudian ia berniat untuk diperniagakan sesudah itu maka barang itu tidak menjadi barang perniagaan kecuali barang-barang perhiasan badan yang dibeli untuk dipakai sendiri kemudian diniatkan untuk perniagaan maka menjadilah ia barang-barang perniagaan dengan hanya diniatkan sahaja.

Barang-barang perniagaan itu hendaklah ditaksirkan sebaik-baik sahaja genap setahun (kemudian dikeluarkan zakatnya).

**(Dalam keluaran yang akan datang akan dijelaskan tentang zakat binatang-binatang ternakan dan tanam-tanaman).**

---

#### Untuk wanita-wanita:

- |    |                      |      |
|----|----------------------|------|
| 1. | Di Rumah Rasulullah  | 0.50 |
| 2. | Hukum Bersuci        | 0.40 |
| 3. | Hukum Haid dan Nifas | 0.50 |

